

# MCA bantu pelajar tercicir

KAMPAR 28 Julai - MCA akan menggiatkan usaha membantu pelajar yang tercicir dari persekolahan mengikuti kursus kemahiran di pusat-pusat kemahiran milik kerajaan dan swasta.

Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, pelajar terbabit boleh melanjutkan pelajaran sama ada di Majlis Latihan Voksional Kebangsaan (ML-VK), Kolej Komuniti, Giat Mara atau Institut Kemahiran Belia Negara.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menegaskan, MCA tidak mahu pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi terjebak dalam masalah sosial.

"Golongan ini mudah terpengaruh dengan sindiket-sindiket atau orang yang cuba memeralatkan mereka, sehubungan itu MCA memasukkan perkara ini dalam program tindakan pendidikannya.

## **Membuang**

"Kita bimbang dengan masalah keciciran dalam kalangan pelajar dan tidak mahu mereka membuang masa melepak tanpa arah tujuan, lebih baik mengikuti kursus yang dapat membantu mendapatkan sumber kewangan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek fasa kedua Kampus Kolej Tunku Abdul Rahman cawangan Perak, di sini hari ini.

Menurut Ka Ting, kebanyakan pelajar tercicir tidak berminat dengan pelajaran tetapi boleh diasah bakat masing-masing dalam bidang tertentu seperti persolekan, kimpalan, automotif, kejuruteraan dan binaan.

Katanya, kebanyakan mereka tidak sedar bahawa masih terdapat banyak tempat yang menawarkan kursus kemahiran kepada mereka.

"Buat masa ini MCA telah menjadikan 20 pelajar sebagai projek perintis dan membantu mereka mendapatkan tempat di pusat-pusat kemahiran," katanya.

Menurut beliau, semua pihak tanpa mengira bangsa boleh mendapatkan maklumat mengenai kursus kemahiran itu di pusat-pusat khidmat MCA.

Ditanya mengenai pembiayaan pendidikan mereka, beliau berkata, MCA akan berbincang dengan pusat latihan terbabit untuk menyediakan pakej pendidikan yang tidak membebankan golongan kurang berkemampuan.